

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2 TAHUN 2007**

---

**PEMBERIAN WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR) KEPADA STAF YANG  
DIBERI PELEPASAN DENGAN IZIN**

**TUJUAN**

1. Surat Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk **memaklumkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.1/2007 bertarikh 26 Mac 2007 yang telah meluluskan cadangan Pemberian Wang Tunai GCR kepada staf yang diberi pelepasan dengan izin.**

**LATARBELAKANG**

2. Dasar cuti rehat yang ditetapkan oleh Kerajaan ialah menggalakkan pegawai mengambil cuti rehatnya pada tiap-tiap tahun untuk tujuan kecekapan dan juga untuk kepentingan pegawai itu sendiri. Walau bagaimanapun, akan ada pegawai yang tidak dapat menghabiskan cuti rehatnya demi kepentingan perkhidmatan. Dalam keadaan ini pegawai adalah dibenarkan untuk mengumpulkan cuti rehat tersebut, tertakluk kepada syarat tertentu, untuk digantikan dengan GCR.
3. GCR adalah sebagai satu faedah di bawah Akta Pencen 1980 (Akta 227) untuk Perkhidmatan Awam dan Akta 229 untuk Badan Berkanun, bagi urusan pemberian faedah kepada pegawai atau orang tanggungan yang layak dalam kes kematian pegawai semasa dalam perkhidmatan. Pemakaian pekeling ini (Pekeling Perkhidmatan Bil.7 Tahun 2003) terhad kepada pegawai yang tertakluk kepada Skim Pencen sahaja.
4. Walaubagaimanapun, Kerajaan telah bersetuju memanjangkan pemberian GCR kepada pegawai yang memilih Skim KWSP sebagai faedah persaraannya sepertimana Pekeling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2004.
5. Pekeling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2003 dan Pekeling Perkhidmatan Bil. 5 Tahun 2004 juga telah diluluskan oleh Mesyuarat LPU Bil. 2 Tahun 2006 bertarikh 28 Julai 2006 untuk diterimapakai.

## **PEMBERIAN WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT**

6. Pegawai yang telah mendapat pelepasan dengan izin untuk berkhidmat di UMP (dahulunya KUKTEM) boleh membawa GCR yang dikumpul semasa di agensi asal ke UMP.
7. Jumlah maksimum cuti rehat yang boleh dikumpul untuk GCR adalah sebanyak 120 hari sahaja.
8. Bagi pegawai yang mendapat pelepasan dengan izin, pengumpulan GCR sahaja diambilkira untuk dibawa ke UMP manakala kelayakan cuti rehat dan baki cuti rehat semasa pegawai di agensi asal tidak diambilkira. Pegawai yang mendapat pelepasan dengan izin, jumlah kelayakan cuti rehat pegawai adalah dikira sebagai kelayakan baru kerana Pihak Berkuasa Melantik adalah berbeza tanpa mengambilkira tempoh perkhidmatan lepas walaupun melebihi 10 tahun. Cuti yang dibawa dari tahun lepas juga tidak boleh dibawa ke agensi baru.
9. Walaubagaimanapun, pegawai yang dilantik mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2002 (secara Pertukaran Pelantikan) dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 1 Tahun 2007 (Pelantikan secara Peminjaman, Pertukaran Sementara dan Pertukaran Tetap) adalah dikecualikan. Bagi kes pertukaran pelantikan/peminjaman/pertukaran sementara/pertukaran tetap, kelayakan kadar cuti rehat adalah kekal dan pegawai dibenarkan membawa baki cuti rehat ke agensi baru.

## **KUATKUASA**

10. Peraturan ini berkuatkuasa sertamerta dan dikebelakangkan bermula dari tarikh penubuhan UMP pada 1 Februari 2007 (yang dahulunya dikenali sebagai KUKTEM).

## **”BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**Saya yang menjalankan tugas,**

**(HAJI SA’UDI BIN HAJI AHMAD, SMP., PKC.)  
PENDAFTAR**

Tarikh :

**Edaran Kepada.:**

Ketua Pustakawan

Semua Pengarah

Semua Dekan

Semua Timbalan Pendaftar

Timbalan Bendahari

**Salinan Kepada.:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Pkh/c/pekeliling/spp2

